

## Selamat Berkhidmat

**Y.B. Dato' Seri Ong Ka Chuan**  
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan



## Terima Kasih

**Y.B. Dato' Seri Ong Ka Ting**  
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan terdahulu.  
Semoga Y.B. Dato' Seri akan terus maju jaya dalam bidang yang diceburi.

## Seminar *Masterclass Place Branding*

Seminar *Masterclass Place Branding* telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) Y. Bhg. Tan Sri Mohd Sidek Hassan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada 17 Februari 2008. Seminar yang berlangsung selama 2 hari telah membincangkan isu Sistem Penyampaian (*Delivery System*) seperti kolaborasi, komunikasi efektif, pelaksanaan dan pelan pemantauan (*monitoring plan*). Dalam ucapan perasmian, Y. Bhg. KSN telah menekankan isu Sistem Penyampaian Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Sistem *Star Rating*. KSN menegaskan agar semua PBT sentiasa memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan. Kerajaan buat pertama kali telah memperkenalkan budaya penjenamaan (*branding*) yang menekankan reputasi, standard penyampaian dan konsisten yang bertemakan "*Deliver On Our Promises, And Deliver Them With Consistency*". PBT tidak boleh leka dan lewat dalam penyediaan dan penyampaian perkhidmatan kerana "*Anything less is a broken promise to our achievements*". PBT bertanggungjawab untuk menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti tanpa mengambil kira saiznya dan perlu beroperasi dengan berteraskan "*We Should Treat Others The Way We Wanted To Be Treated*" dan ini pasti akan menyumbangkan kepada kelebihan kompetitif. Di samping itu, PBT juga dikerah agar menyediakan penyelesaian (*customize or tailor made solution*) bagi masalah yang dihadapi *stakeholders* dan para pelanggannya.



## Warkah Dari Ketua Setiausaha

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin melahirkan rasa syukur kepada Ilahi kerana Buletin Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) edisi pertama tahun 2008 dapat diterbitkan. Dengan penerbitan Buletin KPKT ini diharapkan hubungan silaturrahim di kalangan warga KPKT akan bertambah erat bagaikan sebuah keluarga. Semoga buletin ini juga dapat menjadi panduan yang berguna kepada pembaca tentang peranan, aktiviti dan pencapaian semasa KPKT.



Sesungguhnya 2008 merupakan satu tahun yang amat penting bagi Perkhidmatan Awam Malaysia dan juga negara dalam usaha menyediakan Kajian Semula Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMKe-9). Kejayaan pelaksanaan RMKe-9 ini bergantung sepenuhnya kepada semua penjawat awam dalam melakukan anjakan paradigma bagi meningkatkan tahap penyampaian setaraf dengan piawaian dunia. Dasar "Satu Perkhidmatan, Satu Penyampaian" ("No Wrong Door Policy") perlu dilaksanakan oleh lebih 1.2 juta kakitangan awam yang membabitkan 26 Kementerian, lebih 720 Agensi dan 144 PBT, di 13 Negeri dan Wilayah Persekutuan.

Bagi merealisasikan aspirasi Kerajaan yang mahu menginstitusikan satu perkhidmatan berkualiti dalam masa yang singkat, semua penjawat awam perlu mencapai sasaran dengan memfokuskan enam tugas utama. **Pertama** ialah perancangan, pelaksanaan, pemantauan, penguatkuasaan dan kajian semula; **kedua** ialah mengupayakan anggota perkhidmatan awam dengan sikap yang betul dan berkemahiran; **ketiga**, menambah baik penyampaian di bahagian hadapan (frontline delivery) khususnya PBT; **keempat**, perkhidmatan berkualiti menerusi penggunaan teknologi ICT; **kelima**, usaha ke arah pembasmian kemiskinan dan **keenam**, memupuk satu perkongsian efektif dengan pihak berkepentingan.

Sememangnya, KPKT tekad berusaha meningkatkan keunggulan prestasi dan sistem penyampaian perkhidmatan dari tahun ke tahun. Selaras dengan hasrat kerajaan tersebut, KPKT mengorak langkah dengan memperkenalkan beberapa inisiatif dan penambahbaikan seperti khidmat Pusat Setempat (One Stop Centre atau OSC), Perakuan Siap dan Pematuhan (Certificate of Completion and Compliance atau CCC), Pesuruhjaya Bangunan (Commissioner of Building atau COB) dan konsep Bina Kemudian Jual (BKJ). Aplikasi e-PBT di OSC juga diperkenalkan bagi memastikan perkhidmatan yang cepat, efektif dan prosedur yang terselaras. Seterusnya, aspek kualiti dan ketelusan penyampaian perkhidmatan diberi keutamaan menerusi Sistem Penggredan atau "Star Rating" PBT yang akan dilaksanakan pada suku pertama 2008.

Akhir kata, saya amat berharap setiap warga KPKT bersama-sama memainkan peranan dan memberikan komitmen secara berterusan. Penerapan Budaya Kerja Kelas Pertama perlu ada pada warga KPKT. Saya yakin jika semua warga KPKT mampu membudayakan dan menghayati amalan kerja berteraskan kecemerlangan, KPKT boleh menjadi organisasi yang terbaik bukan sahaja di Malaysia malah di peringkat global.

**Dato' Ahmad Fuad bin Ismail**  
Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

## Selamat Berkhidmat



Kepada  
**Y.B. Datuk Robert Lau Hoi Chew**  
Timbalan Menteri  
Perumahan dan Kerajaan  
Tempatan



Kepada  
**Y.B. Datuk Hamzah Zainuddin**  
Timbalan Menteri  
Perumahan dan Kerajaan  
Tempatan

## Terima Kasih



Kepada  
**Y.B. Dato' Hjh. Azizah binti Datuk S.P. Hj. Mohd Dun**  
Timbalan Menteri  
Perumahan dan Kerajaan  
Tempatan terdahulu.  
Tahniah di atas pelantikan  
Y.B. Dato' sebagai  
Menteri Pembangunan  
Masyarakat dan Hal  
Ehwal Pengguna, Sabah.



Kepada  
**Y.B. Datuk Dr. S. Subramaniam**  
Menteri Sumber Manusia  
yang baru. Terima kasih  
di atas sumbangan yang  
diberikan sepanjang  
berkhidmat sebagai  
Setiausaha Parlimen  
Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan.

## Sidang Pengarang

### Penasihat

Y.Bhg. Dato' Ahmad Fuad bin Ismail

### Timbalan Penasihat

Y.Bhg. Datin Noriah binti Hashim

### Ketua Pengarang

Puan Nor Hamidah binti Hamid @  
Abdul Hamid

### Penolong Ketua Pengarang

Puan Aziah binti Ahmad

### Ahli-ahli

Noraziah Hj. Hassan  
Hazrin Sapinaz Abdullah  
Hafizah Hj. Rais  
Hasri Hj. Saide  
Noor Azuwa Khushairi  
Noursilawati Abd. Halim  
Suhaimi Sawal  
Mohd Ismail Omar Hathab  
Zaidi Abdul Jalil  
Praveena a/p Munusamy  
Mohd Razman Achmadi Mohamad  
Mohd Faizal Mohd Yusuf  
N. Rajkumar a/l V. Nagarethnam  
Nor'ain Othman  
Hjh. Rajimah Yusof  
Khairul Nizawati Amat Mustajab

### Jurugambar

Khairul Anuar Hussin

“Masyarakat “berminda kelas pertama” adalah masyarakat yang berpengetahuan, mampu berdaya saing, berbudaya kerja cemerlang, berintegriti dan memiliki kekuatan moral.”

**Y.A.B. Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri Malaysia

# Pokok Untuk Kehidupan

**P**okok merupakan salah satu komponen penting dalam kitaran ekosistem dunia. Kepentingan pokok bukan saja untuk mengekalkan alam sekitar yang sihat dan sejahtera, malahan pokok juga merupakan sumber makanan dan tempat perlindungan kepada semua kehidupan di dunia.

Melihat kepada kepentingan tersebut, Jabatan Landskap Negara (JLN) dengan kerjasama Pusat Sains Negara mengadakan pameran Pokok Untuk Kehidupan pada 18 Februari 2008 yang telah dirasmikan oleh Y. B. Dato' Hj. Azizah binti Datuk S.P. Hj. Mohd Dun, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran umum rakyat Malaysia mengenai pentingnya peranan pokok dalam persekitaran dan juga kehidupan manusia. Pameran ini merupakan salah satu aktiviti di bawah Kempen Tanam Pokok yang dijalankan oleh jabatan untuk menggalakkan orang ramai menyertai kempen ini bagi mencapai matlamat menanam 20 juta pokok utama menjelang tahun 2020.

Berbagai aktiviti dijalankan sepanjang pameran ini yang berakhir pada 17 Mac 2008 antaranya ceramah, pertandingan melukis dan penanaman 18 batang pokok Jelutong (*dyera costulata*) bersama dengan pelajar-pelajar sekolah. Terdapat 4 sesi ceramah diadakan sepanjang pameran ini mengenai kepentingan pokok oleh tokoh terkenal seperti Y. Bhg. Dato' Seri Salleh Mohd Noor dari 'Malaysia Nature Society' dan En. Karam Singh Walia.

Selain itu, pameran ini telah melancarkan laman web portal interaktif [www.treeforlife.gov.my](http://www.treeforlife.gov.my) yang merupakan pusat maklumat dan perangkaan data-data penanaman pokok seluruh negara. Program seumpama ini akan dapat melahirkan generasi yang mengerti dan menyedari akan kepentingan pokok dalam kehidupan.



Pameran Pokok Untuk Kehidupan



(Kiri) Penanaman Pokok Jelutong oleh pelajar-pelajar sekolah. (Kanan) En. Karam Singh Walia bersama-sama dengan para peserta ceramah.

## Hari Landskap Negara 2008

**3** Mac merupakan Hari Landskap Negara dan ianya telah disambut sejak 11 tahun yang lalu. Pada tahun ini perasmian Hari Landskap Negara peringkat kebangsaan telah diadakan di persisir Sungai Melaka, Melaka Sentral, Melaka Bandaraya Bersejarah. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Y.A.Bhg. Datin Seri Jeanne Abdullah isteri kepada Y.A.B. Perdana Menteri. Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang perasmian tersebut antaranya penyampaian Surat Aku Janji Kempen Menanam Pokok 2008, penyampaian hadiah kepada pemenang Pertandingan Landskap, pameran landskap, persembahan kebudayaan dan jualan pokok-pokok bunga di gerai yang disediakan. Sebanyak 1,000 batang pokok teduhan telah berjaya ditanam di persisir Sungai Melaka yang terdiri daripada Pokok Melaka (*Embllica Officinalis*), Pokok Khaya (*Khaya Senegalensis*), Pokok Hujan-hujan (*Samanea Saman*), Pokok Janda Merana (*Salix Babylonica*) dan Pokok Pancut-pancut (*Spathodia Campanulata*) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Melaka, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dan penduduk setempat.



(Kiri) Pertandingan mewarna bagi kanak-kanak. (Kanan) Acara menanam pokok teduhan oleh Y.A. Bhg. Datin Seri Jeanne Abdullah.

# Kesedaran Pengurusan Sisa Pepejal

**D**irektori tahunan SMI untuk tahun 2008 telah dicetak sebanyak 40,000 naskah dalam bentuk buku dan 50,000 unit dalam bentuk VCD untuk diedarkan kepada semua pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Malaysia dan di luar negara. Pengiklanan memaparkan secara am mengenai pengurusan sisa pepejal di Malaysia, Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007, Akta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007, fungsi Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) serta mengenai Bilik Pameran Kitar Semula, KPKT.



bertujuan untuk memberi kesedaran awam kepada pelajar sekolah mengenai amalan dan kebaikan mengitar semula kotak minuman. Peraduan ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Y. Brs. Dr. Nadzri bin Yahaya, Ketua Pengarah JPSPN pada 25 Mac 2008 di Dewan DRB, Pusat Bandar Damansara.

**P**rojek Buku Kitar Semula merupakan projek bersama KPKT dengan Alam Flora Sdn. Bhd. (AFSB) bagi menghasilkan bahan kesedaran amalan kitar semula dalam bentuk buku dan VCD. Penghasilan bahan ini bertujuan untuk memberi kesedaran mengenai kepentingan usaha dan aktiviti mengitar semula, pengurusan sampah yang sistematik dan memelihara alam sekitar di kalangan golongan sasaran iaitu para pelajar sekolah, komuniti, pihak institusi, komersil dan industri.



**P**eraduan Kitar & Menang terbahagi kepada peringkat individu dan sekolah rendah. Peserta peraduan diwajibkan untuk mengumpul seberapa banyak kotak minuman yang mempunyai logo *Tetrapak* (bermaksud kotak minuman yang boleh dikitar semula). Pertandingan ini

## Pelancaran Majlis Pencegahan Kebakaran Malaysia (FIPCOM)

**Y**.B. Dato' Seri Ong Ka Ting, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan Pelancaran **FIPCOM** pada 31 Januari 2008 di Stadium Nasional Bukit Jalil. Penubuhan Majlis ini adalah untuk menangani isu-isu yang mencakupi konteks pencegahan kebakaran berdasarkan kerjasama antara agensi awam, swasta dan NGO yang meliputi kempen kesedaran dan pendidikan untuk orang awam. Y.B. Menteri juga menyerahkan replika kunci jentera bomba sukarela kepada 86 Pasukan Bomba Sukarela. Kos keseluruhan jentera ini berjumlah RM 9.7 juta.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Y.B. Datuk Robert Lau Hoi Chew dan Y.B. Dato' Hj. Azizah binti Datuk S.P. Hj. Mohd Dun, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Y. Bhg. Dato' Hamzah bin Abu Bakar, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan pegawai-pegawai kanan JBPM.



# Majlis Perasmian Projek PPR Dimiliki Taman Lanchang Permai, Kg. Bolok Hilir, Lanchang Pahang Darul Makmur



Majlis Perasmian Projek Program Perumahan Rakyat (PPR) Dimiliki Taman Lanchang Permai, Kg. Bolok Hilir, Lanchang, Pahang Darul Makmur telah disempurnakan oleh Y.A.B. Dato' Seri Najib Tun Razak, Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 16 Februari 2008.

PPR Dimiliki (PPR(M)) Taman Lanchang Permai merupakan salah satu projek perumahan yang dibina oleh Jabatan Perumahan Negara (JPN). Projek tersebut yang mengandungi sebanyak 150 unit rumah teres seingkat mula dibina pada tahun 2005 dan siap pada 31 Disember 2007. Unit-unit rumah tersebut merupakan sebahagian daripada 1,000 unit rumah PPR (M) yang telah siap dibina pada tahun 2007.

Rekabentuk rumah yang dibina adalah berdasarkan kepada Garis Panduan Standard Industri Pembinaan 1 (CIS 1) yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Keluasan lantai keseluruhan (minimum) bagi sebuah rumah adalah 60 meter persegi. Rumah-rumah tersebut disasarkan untuk dijual kepada golongan yang berpendapatan rendah dengan harga RM 30,000 seunit (*intermediate*) dan RM 35,000 seunit (*end lot*).



## Perhimpunan Bulanan Dan Majlis Sambutan Tahun Baru Cina

Majlis Sambutan Tahun Baru Cina 2008 dan Perhimpunan Bulanan KPKT bagi bulan Februari 2008 telah disempurnakan oleh Y.B. Dato' Seri Ong Ka Ting, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 19 Februari 2008 bertempat di Dewan DRB, Pusat Bandar Damansara. JPN dan Bahagian Khidmat Pengurusan, KPKT telah dipertanggungjawabkan untuk menjadi hos bersama bagi majlis tersebut.

Majlis ini merupakan acara tahunan yang dijalankan oleh KPKT bagi meraikan perayaan Tahun Baru Cina bersama seluruh pegawai dan kakitangan Kementerian terutama bagi yang berbangsa Cina. Majlis ini telah dihadiri oleh lebih kurang 300 orang pegawai dan kakitangan di Kementerian ini yang terdiri daripada pelbagai peringkat jawatan. Majlis ini telah diserikan lagi dengan persembahan Tarian Singa.

# PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR

## PROJEK PERINTIS PROGRAM MOTIVASI

Pada 14 Februari 2008, KPKT dengan kerjasama pihak Majlis Perbandaran Selayang telah melancarkan Program Motivasi di bawah Projek Pendidikan dan Latihan, Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB). Program ini sebagai projek perintis di 3 buah PBT iaitu Majlis Perbandaran Selayang, Majlis Perbandaran Klang dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Ia merupakan sebagai langkah permulaan bagi mengenal pasti pendekatan yang sesuai bagi golongan sasaran.

Y.B. Dato' Hjh. Azizah binti Datuk S.P. Hj. Mohd Dun, Timbalan Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah merasmikan pelancaran Projek Perintis Program Motivasi ini, yang turut dihadiri oleh Exco-exco Kerajaan Negeri, Pegawai-pegawai Daerah, Datuk Bandar/Yang Dipertua PBT, Ketua-ketua Jabatan dan Wakil-wakil Agensi Kerajaan dan Ahli-ahli Majlis Kerajaan Tempatan. Dalam ucapan alu-aluan, Y.B. Dato' Hjh. Azizah telah menyatakan bahawa bantuan-bantuan di bawah PPKB tidak bersifat kekal dan harus dilihat sebagai langkah dan ruang persediaan untuk golongan miskin di bandar berusaha lebih gigih bagi mengubah cara hidup, meningkatkan pendapatan dan seterusnya keluar dari kepompong kemiskinan.

Sempena pelancaran program ini, satu majlis penyerahan cek bantuan PPKB disempurnakan oleh Y.B. Dato' Hjh. Azizah kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang, Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Majlis Perbandaran Klang.

Seramai 141 peserta terdiri dari sekitar Majlis Perbandaran Selayang, Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Majlis Perbandaran Klang mengambil bahagian dalam **Projek Perintis Program Motivasi** anjuran KPKT ini. Projek ini dijalankan dengan kerjasama Persatuan Ahli Majlis Wanita Kerajaan Tempatan Malaysia dan Akademik Aidit Sdn Bhd yang merupakan konsultan yang dilantik bagi menjalankan program motivasi selama 2 hari 1 malam.

## PROGRAM MAAL HIJRAH TAHUN 1429/2008M : LAWATAN KE RUMAH KELUARGA MISKIN DI DEWAN BANDARAYA KUALA TERENGGANU

Program Lawatan Keluarga Miskin di Dewan Bandaraya Kuala Terengganu telah diadakan di Desa Keluarga Yayasan Pembangunan Keluarga Chendering, Kuala Terengganu, Terengganu bermula dari 8 - 9 Mac 2008.



Beberapa aturcara telah diatur sempena program lawatan tersebut iaitu :

- i. Forum Keluarga Hadhari bertajuk Basmi Kemiskinan Menjana Pendapatan di Desa Keluarga Yayasan Pembangunan Keluarga Chendering, Kuala Terengganu.
- ii. Majlis Perasmian Program Lawatan Keluarga Miskin di Bandar.
- iii. Lawatan ke 10 buah rumah keluarga miskin di Desa Keluarga Yayasan Pembangunan Keluarga Chendering, Kuala Terengganu.
- iv. Taklimat PPKB kepada Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) Daerah Kuala Terengganu oleh Bahagian Kemiskinan Bandar, KPKT.

Y. Bhg. Dato' Ahmad Fuad bin Ismail, Ketua Setiausaha KPKT telah merasmikan Majlis Program Lawatan Ke Rumah Keluarga Miskin di Chendering, Terengganu sempena sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan 1429/2008M pada 8 Mac 2008. Dalam ucapan alu-aluan, Y. Bhg. Dato' Ahmad Fuad telah menyatakan bahawa bantuan-bantuan di bawah PPKB adalah untuk mengurangkan beban tanggungan keluarga dan meningkatkan pendapatan keluarga miskin. Dalam majlis perasmian tersebut, beliau juga telah menyempurnakan acara penyerahan "mock" cek bantuan PPKB dan sumbangan dari kementerian-kementerian kepada Datuk Bandar Kuala Terengganu.

## PROGRAM MAAL HIJRAH TAHUN 1429/2008M : LAWATAN KE RUMAH KELUARGA MISKIN DI MAJLIS PERBANDARAN TEMERLOH, TEMERLOH, PAHANG PADA 29 MAC 2008

Program Lawatan Keluarga Miskin di bawah Program Maal Hijrah telah diadakan di Temerloh, Pahang bermula dari 29 - 30 Mac 2008. Program ini dihadiri oleh 112 orang pegawai dan kakitangan dari 22 Kementerian dan Jabatan. Majlis perasmian ini disempurnakan oleh Y.B. Datuk Hamzah bin Zainuddin, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Beliau turut menyerahkan "mock" cek bantuan PPKB kepada Yang DiPertua Majlis Perbandaran Temerloh dan diikuti dengan mengadakan lawatan ke 10 buah rumah keluarga miskin terpilih.

## TAHUKAH ANDA ?

Terdapat **dua** bentuk tuntutan boleh difailkan di Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) iaitu :

### Tuntutan Teknikal

Tuntutan teknikal merangkumi kecacatan mutu kerja atau tidak mematuhi bahan atau spesifikasi sebagaimana yang dinyatakan di dalam Perjanjian Jual Beli (S&P). Tuntutan ini dibuktikan antaranya secara gambar, *quotation*, bil, resit, surat atau lain-lain. Dokumen yang boleh menyokong tuntutan atau membawa saksi-saksi yang berkenaan (jika berkaitan) dan tuntutan ini perlu dinilai dalam Ringgit Malaysia.

### Tuntutan Bukan Teknikal

Tuntutan bukan teknikal merupakan tuntutan selain dari perkara di atas sebagai contoh ganti rugi bagi kelewatan penyerahan milikan kosong (*Late Delivery of Vacant Possession*) oleh pemaju.

Jika sesuatu projek perumahan itu terbengkalai, pembeli rumah itu **TIDAK BOLEH** memfailkan tuntutannya di TTPR kerana tuntutan tersebut masih pra matang. Tuntutan ini **HANYA BOLEH** dibuat setelah rumah tersebut disiapkan dan milikan kosong telah diserahkan kepada pembeli.

Jika pembeli rumah dipaksa bersetuju secara bertulis untuk menerima sejumlah pampasan oleh pemaju, pembeli berkenaan **BOLEH** menuntut sejumlah baki yang sepatutnya dibayar oleh pemaju sekiranya ia masih lagi memenuhi syarat-syarat tuntutan. Namun, keputusan Tribunal terpujang kepada pembuktian dan saksi yang berkenaan (jika ada) untuk dipertimbangkan oleh Pengerusi TTPR.

## Majlis Penyerahan FIRDAUSnet dan Sistem Inventori Pokok

**FirdausNet** atau *File Registration and Data Upkeeping System Networking* telah dibangunkan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD SM) bagi tujuan memudahkan pengurusan fail, dokumen dan Electronic Government. Melalui aplikasi ini, urusan pendaftaran, penyimpanan, pencarian dan pemantauan fail dan surat Jabatan dapat dijalankan dengan mudah, cepat dan berkesan secara elektronik. JLN juga berminat untuk menggunakan FirdausNet dan JPBD SM bersedia berkongsi sistem ini di atas dasar setiakawan.

**Sistem Inventori Pokok (SIP)** telah dibangunkan oleh JPBD SM sebagai satu inisiatif mematuhi arahan Jemaah Menteri serta bagi membolehkan Kaedah-kaedah Pemeliharaan Pokok digunakan di semua negeri. Sehubungan itu, pokok-pokok yang memenuhi kriteria pemeliharaan dapat dipastikan untuk dipelihara dalam melaksanakan sesuatu aktiviti pembangunan.

Dengan terhasilnya SIP ini, JPBD SM ingin mengadakan kerjasama dan kolaborasi dengan JLN untuk sama-sama membantu semua PBT di Semenanjung Malaysia untuk melaksanakan Kaedah-Kaedah Perintah Pemeliharaan Pokok di bawah Akta 172.

Satu Majlis Penyerahan CD SIP dan CD FirdausNet berserta Manual Pengguna daripada Y. Bhg. Dato' Mohd. Fadzil bin Mohd Khir, Ketua Pengarah JPBD kepada Y. Bhg. Dato' Ismail bin Ngah, Ketua Pengarah JLN telah diadakan pada 26 Februari 2008 di JPBD Ibu Pejabat, Kuala Lumpur.





Lawatan delegasi dari Jepun ke KPKT



Projek Perintis Program Motivasi di Majlis Perbandaran Selayang



Program Maal Hijrah



Masterclass Place Branding



Pelancaran Majlis Pencegahan Kebakaran Malaysia (FIPCOM) dan Penyerahan Jentera Bomba Sukarela



Program Hari Landskap 2008



Perjumpaan Ahli Majlis PBT Dengan KSN



Kempen Pokok Untuk Kehidupan

# SEMINAR PENILAIAN KEBERKESANAN PELAKSANAAN INISIATIF BARU MEMPERTINGKATKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KERAJAAN - PENAMBAHBAIKAN URUSAN CADANGAN PEMAJUAN SERTA PENYENGGAHAN DAN PENGURUSAN HARTANAH

Pada 13 April 2007, Y.A.B. Perdana Menteri telah melancarkan inisiatif baru bagi urusan penambahbaikan cadangan pemaajuan serta penyenggaraan dan pengurusan hartanah, yang meliputi pelaksanaan OSC di PBT, pelaksanaan Sistem Pengeluaran CCC oleh para profesional, pelaksanaan Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 COB serta pelaksanaan inisiatif baru bagi pemaajuan konsep BKJ.

Sehubungan itu, Seminar Penilaian Keberkesanan Pelaksanaan Inisiatif Baru Mempertingkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan diadakan pada 15 dan 16 Januari 2008 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) bertujuan untuk menyelaraskan dan menilai tatacara prosedur dan proses kerja dalam urusan perancangan dan pembangunan bagi menangani isu-isu yang berbangkit dalam proses pemaajuan. Selain itu, ia juga diharapkan dapat memberi penjelasan lanjut berkaitan pelaksanaannya dan seterusnya mendapatkan maklum balas daripada semua pihak yang terlibat berhubung keberkesanannya.

Seminar yang dirasmikan oleh Y. Bhg. Tan Sri Mohd Sidek Hassan, KSN ini telah dihadiri oleh seramai 927 peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai Agensi Teknikal Pusat, Agensi Teknikal Persekutuan, Agensi Teknikal Negeri, Pihak Berkuasa Negeri, PBT dan NGO. Sebanyak 9 kertas kerja mengenai pengalaman pihak-pihak yang terlibat di dalam pelaksanaan inisiatif baru ini telah dibentangkan oleh agensi-agensi di bawah KPKT, PBT dan Badan Profesional.

Y. Bhg. Tan Sri KSN juga dalam seminar yang sama telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Portal OSC dan Buku-buku Panduan Edisi Kedua bagi OSC, CCC dan COB. Portal OSC yang dibangunkan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) berperanan untuk membantu menjana laporan dan statistik mengenai pelbagai aspek pelaksanaan OSC di PBT, selain berfungsi sebagai pusat rujukan setempat bagi pengguna-pengguna OSC. Manakala penerbitan Buku-buku Panduan Edisi Kedua ini merupakan penambahbaikan terhadap Buku-buku Panduan Edisi Pertama dengan mengambil kira pandangan dan maklum balas daripada profesional yang berkaitan.



# MESYUARAT PEGAWAI KEMAJUAN PERKAMPUNGAN

Mesyuarat Pegawai Kemajuan Perkampungan yang dianjurkan oleh Bahagian Kampung Baru, JKT diadakan sebanyak 3 kali setahun di mana mesyuarat ini dihadiri oleh semua Pegawai Kemajuan Perkampungan dari Semenanjung Malaysia. Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk membincangkan isu-isu berkenaan dengan pelaksanaan projek gotong royong (GRK dan GRD) bagi projek kecil pembangunan di bawah BP31. Selain itu, mesyuarat ini juga bertujuan memberi satu ruang dan peluang kepada semua Pegawai Kemajuan Perkampungan untuk berhubung antara satu sama lain serta berinteraksi dengan kakitangan dari Bahagian Kampung Baru.

Mesyuarat Pegawai Kemajuan Perkampungan Bil. 2/2008 telah diadakan di Awana Genting Highlands Golf and Country Resort pada 23 hingga 26 Mac 2008 yang lalu dan dirasmikan oleh En. Soon Ting Swee, Timbalan Ketua Pengarah (Teknikal) JKT. Dalam pada itu, Menteri Perumahan



dan Kerajaan Tempatan, Y.B. Dato' Seri Ong Ka Chuan juga sempat meluangkan sedikit masa untuk berinteraksi dengan semua Pegawai Kemajuan Perkampungan dan kakitangan dari Bahagian Kampung Baru. Beliau juga meminta semua yang hadir supaya memberi kerjasama kepada beliau bagi menjayakan segala aktiviti dan objektif berkenaan dengan pembangunan Kampung Baru.

Selain daripada itu, Bahagian Kampung Baru juga menjemput wakil dari Bahagian Sumber Manusia, KPKT dan Bahagian Kewangan dan Perolehan, KPKT untuk memberi taklimat berkenaan dengan kontrak Pegawai Kemajuan Perkampungan dan tuntutan perjalanan supaya semua yang hadir jelas dengan panduan dan peraturan kontrak dan kewangan. Bagi tujuan memberi pengetahuan tambahan kepada semua yang hadir, satu taklimat dan lawatan tapak berkenaan dengan cara-cara menstabilkan bangunan-bangunan di Genting Highlands telah diadakan.

## KEMPEN MENDERMA DARAH KPKT

Satu kempen menderma darah oleh Warga KPKT telah diadakan pada 27 Mac 2008



# Taman Awam Berskala Besar (TABB)



Bukit Kiara bakal menjadi sebuah taman awam berskala besar yang mampu menampung keperluan pelbagai lapisan masyarakat dengan mengekalkan ciri-ciri semulajadi tapak. Pembangunan ini akan menjadi kenyataan apabila TABB Bukit Kiara yang merangkumi keluasan 466.86 ekar akan dibangunkan di mana ini bertepatan dengan teras dan misi nasional iaitu meningkatkan tahap dan kemampanan kualiti hidup. Keluasan tapak ini akan merangkumi Ekuestrian, Pusat Penyiaran Asia, Tapak Semaian DBKL, Arboretum dan Taman Lembah Kiara.

Penduduk sekitar TABB akan menikmati segala kemudahan yang disediakan agar kualiti hidup, amalan gaya hidup sihat dan integrasi sosial melalui aktiviti riadah dapat digalakkan dan ditingkatkan. Kenyataan ini adalah merupakan intipati daripada Seminar Perancangan Pembangunan Taman Awam Berskala Besar Bukit Kiara (TABB Bukit Kiara) yang dianjurkan oleh JLN dengan kerjasama Universiti Pertanian Malaysia (UPM), DBKL dan Jabatan Perhutanan (FRIM). Seminar ini dirasmikan oleh Y. Bhg. Dato' Haji Ismail bin Ngah, Ketua Pengarah JLN pada 26 Februari 2008 di Bangunan Bakti Siti Hasmah Bukit Kiara, Kuala Lumpur.

Seminar ini bertujuan bagi mendapatkan pandangan dan input daripada pelbagai pihak berkepentingan atau *stakeholders* dalam pembentukan konsep serta menetapkan kriteria bagi perancangan dan rekabentuk pembangunan TABB Bukit Kiara. Ini adalah merupakan satu usaha JLN dalam membangunkan TABB Bukit Kiara dengan mengambil kira pendekatan penglibatan komuniti dan profesional daripada pelbagai bidang.

Seminar turut mengupas bagaimana konsep, pendekatan serta rekabentuk pembangunan TABB Bukit Kiara dan segala input tersebut akan digunakan sebagai garis panduan untuk diadaptasikan di dalam pembangunan taman awam yang berskala besar bagi memastikan kemampanan serta kejayaan taman tersebut.

## HARI KUALITI 2007 JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA

Dalam usaha meningkatkan kualiti dan penyampaian sistem perkhidmatan kerajaan, JPBD telah mengorak langkah dengan melaksanakan pelbagai aktiviti peningkatan kualiti antaranya memperolehi persijilan MS ISO 9001:2000, pelaksanaan Petunjuk Prestasi Utama (KPI), Piagam Pelanggan, Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK), Manual Prosedur Kerja (MPK), Fail Meja (FM), Inovasi dan program-program ICT. Usaha terkini adalah berkaitan dengan menangani karenah birokrasi dan penambahbaikan terhadap sistem penyampaian perkhidmatan dengan terlaksananya OSC.

Oleh itu, jabatan telah membuktikan komitmen terhadap kualiti dengan menganjurkan sambutan Hari Kualiti bagi 2007 pada 24 Januari 2008 di Auditorium Muzium Negara, Kuala Lumpur. Majlis ini telah dirasmikan oleh Y. Bhg. Dato' Mohd. Fadzil bin Hj Mohd. Khir, Ketua Pengarah JPBD. Seramai 350 warga JPBD telah hadir yang terdiri dari semua lapisan pegawai dari Ibu Pejabat dan JPBD Negeri. Semasa sambutan tersebut, jabatan telah mengadakan pelbagai aktiviti iaitu:-

### Pertandingan Emcee Idol

Pertandingan ini bertujuan mencungkil serta mengetengahkan bakat dan daya kreativiti individu melalui cara pengacaraan sesuatu majlis rasmi.

### Pertandingan Koir

Pertandingan adalah untuk mencungkil bakat melalui persembahan dan kreativiti kumpulan dalam muzikal, memupuk disiplin serta semangat kerjasama berkumpulan.

### Pertandingan Kebersihan dan Sudut Q

Pertandingan ini bertujuan untuk mewujudkan suasana persekitaran pejabat yang bersih, indah dan berkualiti.

Kesemua pertandingan ini telah disertai oleh Bahagian-bahagian Ibu Pejabat, Pejabat-pejabat Projek dan JPBD Negeri. Barisan panel hakim juga melibatkan pegawai profesional dari luar jabatan.

## BENGKEL *KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI)*

KPKT mula melaksanakan Petunjuk Prestasi Utama atau *Key Performance Indicator (KPI)* seperti yang telah disarankan oleh Kerajaan. Sehubungan itu, Bahagian Dasar, KPKT telah diberi tanggungjawab untuk menyelaras pewujudan KPI bagi semua Jabatan/Bahagian/Unit di bawah Kementerian. KPI ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan KPKT kepada pelanggan dengan menyerapkan budaya kerja berasaskan prestasi kepada semua kakitangan.

Berdasarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 2005, Bahagian Dasar telah mengadakan satu bengkel untuk **meningkatkan kefahaman, menambahbaik dan memantapkan pelaksanaan KPI di Kementerian ini**. Objektif utama bengkel ini adalah untuk mewujudkan petunjuk-petunjuk prestasi utama mengikut misi, visi dan objektif organisasi dan membangunkan sistem pengurusan prestasi organisasi berasaskan KPI. Bengkel Pemantapan KPI siri kedua diadakan pada 17 hingga 19

Mac 2008 di INTAN Wilayah Selatan, Kluang, Johor dan dihadiri oleh 38 peserta daripada Jabatan/Bahagian/Unit di Kementerian.

Pegawai dari JBPM Melaka telah bertindak sebagai pakar rujuk dengan dibantu oleh pegawai Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah. Bengkel siri kedua ini diadakan bertujuan untuk memantapkan lagi draf KPI yang telah disediakan sebelum ini oleh semua Jabatan/Bahagian/Unit di KPKT.

Bengkel siri pertama telah berjaya diadakan pada 28 hingga 30 November 2007 di Pusat Latihan, JBPM, Kuala Kubu Bharu, Selangor. Bengkel yang disertai oleh 28 peserta dari Jabatan/Bahagian/Unit di bawah Kementerian telah mendapat khidmat pakar rujuk daripada dua orang JBPM Melaka. Mereka dipilih berdasarkan kejayaan mereka melaksanakan KPI di JBPM.



## Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan 1429H/2008M



Perarakan dan Perhimpunan sempena Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan Tahun 1429H/2007M telah diadakan pada 20 Mac 2008 di Stadium Putra, Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Seramai 100 orang pegawai dan kakitangan KPKT telah menyertai majlis tersebut.



## INFO BAHAGIAN SUMBER MANUSIA

Melalui penstrukturan semula KPKT yang telah diluluskan secara berperingkat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada tahun lalu, banyak perubahan telah berlaku dari segi bilangan perjawatan dan fungsi Kementerian secara keseluruhannya. JPSPN dan PPSPPA adalah antara jabatan dan agensi yang baru diwujudkan. Secara keseluruhan, bilangan perjawatan Kementerian telah meningkat dari 13,920 kepada 15,746. Sehingga 29 Februari 2008, sebanyak 13,961 jawatan yang telah diisi.

Pada tahun ini, Bahagian Sumber Manusia, KPKT akan menganjurkan beberapa latihan antaranya Kursus Umum, Kursus Wajib, Kursus *Functional* dan Kursus Luar Negara yang bertujuan meningkatkan pengetahuan, penguasaan kemahiran, memupuk nilai dan etika kerja cemerlang di kalangan semua anggota dalam KPKT.

| KEDUDUKAN PENGISIAN PERJAWATAN<br>KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (SEHINGGA 29 FEB 2008) |                                                 |                 |      |      |                         |      |      |                       |      |      |                 |       |      |        |       |      |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------|-----------------|------|------|-------------------------|------|------|-----------------------|------|------|-----------------|-------|------|--------|-------|------|
| BIL.                                                                                                 | JABATAN /<br>BAHAGIAN                           | PEJABAT MENTERI |      |      | PENGURUSAN<br>TERTINGGI |      |      | PENG &<br>PROFESIONAL |      |      | SOKONGAN I & II |       |      | JUMLAH |       |      |
|                                                                                                      |                                                 | Bil.            | Bil. | Bil. | Bil.                    | Bil. | Bil. | Bil.                  | Bil. | Bil. | Bil.            | Bil.  | Bil. | Bil.   | Bil.  | Bil. |
|                                                                                                      |                                                 | Jaw.            | Isi  | Ksg  | Jaw.                    | Isi  | Ksg  | Jaw.                  | Isi  | Ksg  | Jaw.            | Isi   | Ksg  | Jaw.   | Isi   | Ksg  |
| 1                                                                                                    | IBU PEJABAT                                     | 5               | 5    | 0    | 8                       | 8    | 0    | 273                   | 155  | 118  | 964             | 614   | 350  | 1250   | 782   | 468  |
| 2                                                                                                    | JABATAN BOMBA<br>DAN PENYELAMAT                 | TIDAK BERKAITAN |      |      | 5                       | 2    | 3    | 292                   | 199  | 93   | 11941           | 11478 | 463  | 12238  | 11679 | 559  |
| 3                                                                                                    | JABATAN<br>PERANCANGAN<br>BANDAR & DESA         |                 |      |      | 3                       | 3    | 0    | 150                   | 135  | 15   | 464             | 441   | 23   | 617    | 579   | 38   |
| 4                                                                                                    | JABATAN<br>KERAJAAN TEMPATAN                    |                 |      |      | 3                       | 3    | 0    | 270                   | 196  | 74   | 648             | 473   | 175  | 921    | 672   | 249  |
| 5                                                                                                    | JABATAN<br>PERUMAHAN NEGARA                     |                 |      |      | 1                       | 1    | 0    | 14                    | 8    | 6    | 41              | 31    | 10   | 56     | 40    | 16   |
| 6                                                                                                    | JABATAN<br>LANDSKAP NEGARA                      |                 |      |      | 1                       | 1    | 0    | 65                    | 48   | 17   | 102             | 87    | 15   | 168    | 136   | 32   |
| 7                                                                                                    | TRIBUNAL TUNTUTAN<br>PEMBELI RUMAH              |                 |      |      | 1                       | 1    | 0    | 16                    | 8    | 8    | 45              | 35    | 10   | 62     | 44    | 18   |
| 8                                                                                                    | JABATAN PENGURUSAN<br>SISA PEPEJAL NEGARA       |                 |      |      | 1                       | 1    | 0    | 23                    | 10   | 13   | 47              | 16    | 31   | 71     | 27    | 44   |
| 9                                                                                                    | INSTITUT LATIHAN DAN<br>KERAJAAN TEMPATAN       |                 |      |      | 0                       | 0    | 0    | 8                     | 1    | 7    | 2               | 0     | 2    | 10     | 1     | 9    |
| 10                                                                                                   | PERBADANAN<br>PENGURUSAN<br>SISA PEPEJAL NEGARA |                 |      |      | 3                       | 1    | 2    | 148                   | 0    | 148  | 202             | 0     | 202  | 353    | 1     | 352  |
| JUMLAH                                                                                               |                                                 |                 |      |      | 26                      | 21   | 5    | 1259                  | 760  | 499  | 14456           | 13175 | 1281 | 15746  | 13961 | 1785 |

| CADANGAN KURSUS WAJIB BAHAGIAN SUMBER MANUSIA TAHUN 2008 |                                                              |                                                                               |                      |                       |                                                                                    |                                                      |                                                  |
|----------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------|----------------------|-----------------------|------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------|--------------------------------------------------|
| BIL                                                      | NAMA KURSUS                                                  | KUMPULAN<br>SASARAN                                                           | BIL SIRI &<br>HARI   | BIL PESERTA           | CADANGAN<br>TARIKH                                                                 | TEMPAT<br>KURSUS                                     | JUSTIFIKASI<br>KEPERLUAN                         |
| 1                                                        | Kursus Modul Induksi<br>Umum Bil 1, 2 & 3 /<br>2008          | Kumpulan<br>Sokongan<br>(Gred 1 – 17<br>Jawatan Tertutup)                     | 3 siri<br>(10 hari)* | (40 X 3)<br>120 calon | 5 – 14 Mac<br>11 – 20 Jun<br>6 – 15 Ogos                                           | Seri Malaysia,<br>Bagan Lalang,<br>Sepang            | SPP Bil. 3/2005<br>Pegawai<br>Kakitangan<br>Baru |
| 2                                                        | Kursus Modul Induksi<br>Khusus Bil 1 – 5 / 2008              | Pengurusan &<br>Professional Dan<br>Sokongan                                  | 5 siri<br>4 hari     | (50 x 5)<br>250 calon | 14 – 17 April<br>26 – 29 Mei<br>16 – 19 Jun<br>28 – 31 Julai<br>20 – 23<br>Oktober | Institut<br>Penyiaran Tun<br>Abdul Razak<br>(IPTAR), | SPP Bil. 3/2005<br>Pegawai<br>Kakitangan<br>Baru |
| 3                                                        | Kursus Modul Induksi<br>Umum Bil 1 & 2 / 2008                | Pengurusan<br>& Profesional<br>serta Kumpulan<br>Sokongan<br>(Gred J29 – J41) | 2 siri<br>(15 hari)* | (35 x 2)<br>70 calon  | 7 – 21 April<br>10 – 24 Nov                                                        | Seri Malaysia,<br>Genting<br>Highlands               | SPP Bil. 3/2005<br>Pegawai<br>Kakitangan<br>Baru |
| 4                                                        | Kursus Bimbingan PTK<br>Kompetensi Umum Bil.<br>1 & 2 / 2008 | Pengurusan &<br>Professional Dan<br>Sokongan                                  | 2 Siri<br>4 Hari     | (40 x 2)<br>80 calon  | 10 – 13 Mac<br>1 – 4 Julai                                                         | Pusat Latihan<br>KWSP ESSET,<br>Bangi                | SPP Bil. 5/2005<br>Pegawai<br>Kakitangan<br>Baru |

\*Bilangan hari termasuk modul Biro Tatanegara

**CADANGAN KURSUS LUAR NEGARA BAHAGIAN SUMBER MANUSIA TAHUN 2008**

| BIL | NAMA KURSUS                                                 | KUMPULAN SASARAN                                | BIL SIRI & HARI  | BIL PESERTA      | CADANGAN TARIKH              | TEMPAT KURSUS          | JUSTIFIKASI KEPERLUAN |
|-----|-------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------|------------------|------------------|------------------------------|------------------------|-----------------------|
| 1   | Leadership & Change Management                              | JUSA dan Pengurusan & Professional              | 1 siri (12 Hari) | 2 calon          | 12 – 23 May 2008             | Boston United States   | Management Skills     |
| 2   | Enhanced Performance And Strategic Management               | JUSA dan Pengurusan & Professional              | 1 siri (12 Hari) | 2 calon          | 19 – 30 May 2008             | Cape Town South Africa | Management Skills     |
| 3   | Legislative Drafting                                        | JUSA dan Pengurusan & Professional              | 1 siri (26 Hari) | 1 calon          | 15 Sept – 10 Oct 2008        | London                 | Good Governance       |
| 4   | Program Hadiah Latihan Dalam Perkhidmatan (JPA) JICA / COTI | Pengurusan & Professional Dan Kumpulan Sokongan | 5 siri (21 Hari) | (2 x 5) 10 calon | Bergantung Kepada Edaran JPA |                        |                       |

**PERTUKARAN KELUAR ANGGOTA BAGI JANUARI-FEBRUARI 2008**

| BIL | NAMA/JAWATAN                                   | DARI                                           | KE                                            | TARIKH KUATKUASA |
|-----|------------------------------------------------|------------------------------------------------|-----------------------------------------------|------------------|
| 1.  | Iskandar Ali Dewa<br>Peg. Undang-Undang L54    | Bhg. Undang-Undang                             | Jabatan Peguam Negara                         | Januari 2008     |
| 2.  | Mat Husin Yamin<br>PTD 52                      | Bhg. Korporat                                  | Kementerian Pengajian Tinggi                  | Januari 2008     |
| 3.  | Azirul Liza Abdullah<br>Peg. Undang-undang L44 | Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah                | Jabatan Imigresen Malaysia                    | Januari 2008     |
| 4.  | Noor Sabariah Abd Wahab<br>Juruaudit W44       | Unit Audit Dalam                               | Kementerian Sumber Manusia                    | Januari 2008     |
| 5.  | Md. Latip Hambiah<br>Jurutera J41              | Bhg. Pembangunan dan Pelaksanaan Projek (PIMD) | PIMD Wilayah Selatan                          | Januari 2008     |
| 6.  | Liew Joo Tee<br>Penolong Akauntan W27          | Bhg. Kewangan & Perolehan                      | Jabatan Pelajaran Pulau Pinang                | Januari 2008     |
| 7.  | Yong Meng Heng<br>ASP YY20                     | Bhg. Pengawasan & Penguatkuasa                 | IPD Shah Alam                                 | Januari 2008     |
| 8.  | Zalilah Md Solleh<br>Pem. Tadbir (P/O) N17     | Bhg. Kemiskinan Bandar                         | Kementerian Air, Tenaga dan Komunikasi        | Januari 2008     |
| 9.  | Siti Nurdayana Othman<br>Pem. Tadbir (P/O) N17 | Jabatan Kerajaan Tempatan                      | Kementerian Pengangkutan                      | Januari 2008     |
| 10. | Rashidah Masri<br>Pem. Tadbir (Kew) N17        | Bhg. Kewangan & Perolehan                      | Kementerian Sumber Manusia                    | Januari 2008     |
| 11. | Norhayati Muktar<br>Pem. Tadbir (P/O) N17      | Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (Ibu Pejabat)  | Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (Zon Timur)   | Januari 2008     |
| 12. | Hawa Seydalavi<br>Juru Bahasa L17              | Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (Ibu Pejabat)  | Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (Zon Selatan) | Januari 2008     |
| 13. | Mohd Zulkifli Hassan<br>PTD M48                | Jabatan Kerajaan Tempatan                      | Jabatan Perkhidmatan Awam                     | Februari 2008    |
| 14. | Mohd Noor Azam Mohd Mustafa<br>PTD M41         | Jabatan Landskap Negara                        | Kementerian Pelajaran Malaysia                | Februari 2008    |
| 15. | Faizal Ramli<br>PTR (Jurutaip) N11             | Jabatan Kerajaan Tempatan                      | Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi | Februari 2008    |

# Open Source Software (OSS)

**P**ra-sejarah Open Source Software (OSS) berhubung rapat dengan sejarah UNIX dan budaya *hackers*. OSS adalah merupakan perisian komputer di mana hak ciptanya diletakkan di bawah domain awam (*public domain*), kod pengaturcaraannya (*source code*) tidak dipamerkan kepada semua tanpa sebarang rahsia dan boleh dicapai dengan mudah serta tidak bersyaratkan royalti (*royalty free*). OSS berbeza daripada perisian percuma (*free software*) kerana OSS membenarkan pengguna menggunakan perisian, mengubah, menambah baik dan mengedar semula dalam antara muka (*interface*) yang baru atau lama serta hak ciptanya diletakkan dibawah domain awam. Perisian percuma pula hanya membenarkan pengguna menggunakan perisian tersebut sahaja dan telah dihak ciptakan bukan atas domain awam.

Pada asalnya OSS dikenali sebagai *Free Software Movement* yang ditubuhkan pada 1983 dan ditukar nama pada 1998. Satu perubahan yang mendadak berlaku dalam revolusi OSS pada tahun 1998 apabila Netscape mengumumkan bahawa kod pengaturcaraan Navigator akan diumumkan kepada umum melalui Mozilla Foundation. Peristiwa ini telah membawa kepada satu arus yang mengejut kepada komuniti *hackers*. Komuniti *hackers* telah memainkan peranan yang penting dalam membantu pembangunan OSS kerana telah menyumbangkan banyak idea kepada pembangunan perisian OSS melalui forum-forum perisian OSS dengan untuk menambah baik, menghasilkan *patch* dan memperbaiki kesilapan (*bugs*).

Selain daripada itu, pembangunan OSS adalah bertujuan untuk menyekat dominasi sesuatu syarikat dalam pasaran dan sebagai contoh *Open Office* telah dihasilkan melalui kod pengaturcaraan yang disumbangkan Sun Microsystems bagi tujuan menyekat dominasi *Microsoft Office* di pasaran dunia. MySQL, Debian, Java, Linux, PHP, Python, Zimbra dan Source Forge merupakan pertubuhan atau organisasi yang sedang membangunkan OSS. *Proposal on OSS Implementation in the Public Sector of Malaysia* telah dibentangkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan diluluskan oleh Kerajaan Malaysia pada 19 Jun 2002. Cadangan Standard OSS dalam sektor awam boleh didapati di laman web MAMPU (<http://opensource.mampu.gov.my>). MySpamGuard, MySurfGuard, MyNetWatch, MyMeeting dan MyWorkSpace merupakan di antara produk OSS yang telah dihasilkan oleh MAMPU.

# Spam Mail

Oleh: Bong Tze Liang


**S**spam Mail juga dikenali sebagai "*Bulk Mail*" atau "*Junk Mail*" adalah aktiviti melakukan penghantaran sejumlah e-mel kepada penerima tanpa sebarang permintaan atau persetujuan.

Merujuk kepada Sistem Messaging Security Gateway KPKT yang berfungsi sebagai medium penapisan semua e-mel, sebanyak 7,214 e-mel atau 22.3% adalah *spam mail* yang telah dikesan dan disekat pada bulan Februari 2008.

Namun, walaupun pelbagai teknik yang telah dilakukan untuk mengatasi masalah spam, *Spammers* tidak akan berhenti untuk melakukan cubaan *spam mail* kepada penerima seiring dengan perkembangan teknologi ICT.

Untuk memastikan pegawai-pegawai tidak diganggu oleh *spam mail*, sekiranya anda menerima e-mel yang disyaki, pegawai-pegawai boleh hantarkan (*forward*) e-mel tersebut kepada [kpktsecurity@kpkt.gov.my](mailto:kpktsecurity@kpkt.gov.my) agar pihak Bahagian Teknologi Maklumat, KPKT dapat mengambil tindakan selanjutnya.

| Rule ID           | Last 30 Days |        |
|-------------------|--------------|--------|
|                   | Total        | %      |
| blocked           | 1,717        | 2.4%   |
| notspam           | 60,570       | 71.0%  |
| notspam_adultspam | 175          | 0.2%   |
| probablespam      | 1,103        | 1.6%   |
| safe              | 8            | 0.0%   |
| spam              | 17,057       | 24.8%  |
| Total             | 71,231       | 100.0% |



## KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Paras 1 - 7, Blok K, Pusat Bandar Damansara  
Peti Surat 12579, 50782 Kuala Lumpur

No. Telefon : 03-2094 7033,  
No. Faksimile : 03-2094 9720

Website : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)

